



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

PUAN SUMMI BINTI DIN

PEMBANTU PENGAWAI LATIHAN KANAN

**MENGENAI PENGALAMAN BELIAU DALAM SENI KRAFTANGAN
ANYAMAN ROTAN**

SYAFFIQA BINTI BHARIN

2018238458

NOR FAKHIRA BINTI ABDUL RAZAK

2018285798

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2020 – JANUARI 2021

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
SENARAI ABBREVIASI	v
SENARAI SINGKATAN	vii
RUJUKAN KATA	ix
1.0 BIODATA PENEMUBUAL	2
1.1. PENEMUBUAL PERTAMA	2
1.2. PENEMUBUAL KEDUA	3
2.0 BIODATA TOKOH	5
2.1. BIODATA TOKOH	5
2.2. PENGENALAN KEPADA TOKOH	6
3.0 SEJARAH LISAN	9
3.1. PENGENALAN	9
3.2. OBJEKTIF SEJARAH LISAN	10
3.3. KEPENTINGAN SEJARAH LISAN	11
4.0 KAJIAN LITERATUR	14
4.1. TOPIK 1: SEJARAH LISAN	14
4.2. TOPIK 2: ANYAMAN ROTAN	15
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH	19
6.0 LOG TEMUBUAL	95
7.0 RALAT	112
8.0 GLOSARI	114
9.0 INDEKS	119
10.0 BIBLIOGRAFI	122
11.0 LAMPIRAN	125
11.1. BIOGRAFI TOKOH	125
11.2. SURAT PERJANJIAN	126
11.3. SENARAI SOALAN	127
11.4. DIARI PENYELIDIKAN	131
11.5. GAMBAR DAN SIJIL-SIJIL	135

**PENGALAMAN PUAN SUMMI BINTI DIN SEBAGAI TOKOH DALAM
KRAFTANGAN ANYAMAN ROTAN**

NOR FAKHIRA BINTI ABDUL RAZAK. SYAFFIQA BINTI BHARIN

fakhirarazak98@gmail.com

ABSTRAK

Transkrip ini merungkai tentang pengalaman, kisah hidup serta sumbangan seorang tokoh yang berasal dari Pulau Pinang dan sekarang menetap di Negeri Sembilan dalam mengecapi impian beliau bermula dari sekadar hobi sehingga menjadi seorang pengajar dalam seni kraftangan anyaman rotan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau mempunyai hampir 30 tahun pengalaman dalam industri seni ini. Di dalam transkrip ini juga menceritakan pengalaman pahit manis serta jatuh bangun beliau dalam bidang ini sehingga menjadi seorang yang disegani. Beliau juga menunjukkan demo dan tutorial secara menyeluruh dan lengkap dalam menghasilkan produk yang berasaskan rotan. Kajian ini juga memfokuskan tentang peralatan yang digunakan semasa penghasilan produk berasaskan rotan ini serta jenis-jenis rotan yang memberi impak kepada setiap produk yang dihasilkan. Melalui kajian ini juga, diharapkan generasi belia dapat meneruskan dan mengembangkan lagi industri kraftangan anyaman rotan.

Kata Kunci: *kraftangan, anyaman, rotan, industri, produk*

Abstract

This transcript dissects the experiences, life stories and contributions of a figure who is from Penang and now lives in Negeri Sembilan in achieving his dreams starting from just a hobby to becoming an instructor in the art of rattan weaving in Kuala Pilah, Negeri Sembilan. He has almost 30 years of experience in this art industry. In this transcript also tells the bittersweet experience and his ups and downs in this field so that he became a respected person. He also showed a comprehensive and complete demo and tutorial in producing rattan-based products. This study also focuses on the equipment used during the production of this rattan-based product as well as the types of rattan that impact each product produced. Through this study as well, it is hoped that the youth generation can continue and further develop the rattan weaving handicraft industry.

Keywords: *handicraft, woven, rattan, industry, product*

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinan dari-Nya kami dapat menyiapkan tugas transkrip projek sejarah lisan dengan jayanya. Tugas projek ini akan memberikan banyak manfaat kepada kami dari segi pengetahuan dan pengalaman semasa membuat kajian ini. Terlebih dahulu sekalung penghargaan kepada Puan Summi Binti Din kerana sudi meluangkan masa uncut ditemuramah.

Sekalung penghargaan dan ribuan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu, Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin. Beliau telah banyak memberi nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar kepada kami sepanjang proses kajian ini dijalankan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa kami yang turut membantu dan memberikan sokongan dalam menyiapkan projek ini. Akhir sekali, tidak lupa juga kami ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang sedia membantu dan menyumbang idea fikiran dalam menyiapkan projek ini.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
HQ	Head Quarters
IKN	Institut Kraf Negara
MRM	Majlis RekaBentuk Malaysia
QC	Quality Control
R&D	Research and Development
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
SKT	Standard Kraf Tahunan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
KEMAS	Kemajuan Masyarakat